

20 SEP 2002

BELANJAWAN-KASTAM

PERATURAN DAN PROSEDUR KASTAM AKAN DIPERMUDAHKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Peraturan dan prosedur kastam akan dipermudah dan diseragamkan bagi memastikan pergerakan barangan mudah dan cepat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di bawah cadangan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari, 2003, pergerakan barangan yang nilai cukainya rendah dikenakan bon am sahaja, kata beliau ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata pergerakan barangan bercukai menggunakan satu borang sahaja dan Jabatan Kastam tidak akan membuat pemeriksaan lanjut ke atas barangan yang telah diperiksa oleh agensi lain.

Pada masa ini, berbagai peraturan dan prosedur kastam yang dikenakan bagi pergerakan barangan didapati membebankan pelabur, kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Antaranya adalah penyediaan jaminan bank sebagai sekuriti ke atas pergerakan barangan yang cukainya belum dibayar, penggunaan pelbagai borang bagi penghantaran barangan, dan pemeriksaan barangan sekali lagi oleh Jabatan Kastam walaupun telah diperiksa oleh agensi lain seperti Jabatan Haiwan atau Jabatan Pertanian, tambah beliau.

-- BERNAMA

MSL NHD